

BAYUJINSON PHD
SYARIKAT PENERBANGAN MINI

DISEDIAKAN UNTUK:

EN. AIRIAN B. AWANG

PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH:

FAZLEEN ARYANTI OSMAN 95675976

NORIZA OTTHMAN 95755782

ANITA ARIFFIN 95749163

SHAFINAS AHMAD TERMZY 95441760

BASIROH SAAD 95645873

| <u>ISI KANDUNGAN</u> | <u>MUKA SURAT</u> |
|-----------------------------|--------------------------|
| PENGHARGAAN | I |
| RINGKASAN | 1 |
| MUQADDIMAH | 2 |
| SURAT PENYERAHAN | 3 |
| LOGO | 5 |
| PENGENALAN | 6 |
| TUJUAN | 8 |
| LATAR BELAKANG PERNIAGAAN | 9 |
| LATAR BELAKANG AHLI KONGSI | 10 |
| RANCANGAN PENTADBIRAN | 15 |
| RANCANGAN PEMASARAN | 24 |
| RANCANGAN OPERASI | 46 |
| RANCANGAN KEWANGAN | 57 |
| RUMUSAN | 74 |
| LAMPIRAN | |

RINGKASAN

Bayu Air Sdn. Bhd. adalah merupakan sebuah syarikat penerbangan Mini yang beroperasi di Lapangan terbang Antarabangsa Wilayah Utara, Kuala Muda, Kedah. Kami menyediakan perkhidmatan penerbangan ke destinasi dalam negeri iaitu ke Melaka, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman, dan Kuala Terengganu.

Bayu Air Sdn. Bhd. bukan sahaja menawarkan penerbangan terus tetapi juga menawarkan penerbangan yang berbentuk pakej pelancongan ke Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman, dan Pulau Perhentian. Untuk memastikan pakej ini berjaya tanpa sebarang masalah, kami mengadakan kerjasama dua hala dengan agensi-agensi pelancongan yang terbaik yang terdapat di destinasi-destinasi penerbangan pilihan kami. Pakej ini adalah termasuk tambang pergi dan balik, penginapan, makan dan minum, serta pengangkutan sepanjang percutian tersebut.

Bayu Air Sdn. Bhd. memfokuskan sasaran pasaran bukan sahaja kepada pelancong dan rakyat tempatan tetapi juga kepada pelancong asing. Perniagaan ini mempunyai potensi pasaran yang baik dan berdaya maju kerana industri pengangkutan diberi keutamaan di dalam Pelan Induk Perindustrian.

Pengurusan merujuk kepada aktiviti merancang, mengelola, mengarah, dan mengawal input perniagaan. Pengurusan Bayu Air Sdn. Bhd. dibuat berdasarkan penghususan kerja. Kami mempunyai pengurus-pengurus jabatan yang merupakan rakan kongsi perniagaan ini yang bertindak mengetuai jabatan-jabatan tersebut. Untuk turut membantu pengurusan syarikat ini, kami mengajukan personal yang mempunyai kepakaran tertentu contohnya juruterbang dan penyelenggara.

Kos untuk menjalankan perniagaan ini ialah RM 970000 yang diperolehi daripada modal rakan kongsi dan pinjaman berpenggal daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad melalui Skim Modal Asas.

Bayu Air Sdn. Bhd. menjangkakan keuntungan yang boleh diperolehi oleh perniagaan ini adalah lebih kurang RM 800000 setahun.

PENGENALAN

Malaysia menuju ke era pembangunan yang pesat dan mampu menjadi sebuah negara maju di masa hadapan. Sejajar dengan peningkatan teknologi, permintaan terhadap pengangkutan udara semakin meningkat. Sebagai warga Malaysia yang prihatin dan ingin membantu ke arah pembangunan ini, kami telah sebulat suara untuk mewujudkan sebuah organisasi perniagaan berbentuk perkhidmatan udara iaitu Bayu Air Sdn. Bhd., sebuah syarikat penerbangan mini.

Segala urusan pentadbiran kami akan dijalankan di Lot 0037, Taman Desa Murni, 08000 Sungai Petani, Kedah.

Bagi memastikan operasi kami lebih efektif, kami ingin menempatkan pejabat operasi kami di Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara, Kuala Muda, Kedah.

Kami bercadang untuk mengaktifkan perniagaan kami pada 1 Januari 2005.

Memandangkan di Malaysia, masih belum ramai usahawan yang menceburi perniagaan perkhidmatan udara, justeru itu, dalam memenuhi kehendak pengguna, kami memberi peluang kepada mereka untuk memilih syarikat penerbangan kami sebagai satu alternatif lain untuk menuju ke destinasi mereka.

Antara faktor lain, penglibatan kami dalam perniagaan ini adalah untuk memenuhi galakkan kerajaan yang menggalakkan bumiputera menceburi dan seterusnya menguasai penggunaan teknologi tinggi.

Di samping itu, kami ingin memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna di mana kami juga menitikberatkan keuntungan dan pembangunan negara.

Untuk menyumbangkan tenaga dalam meningkatkan industri pelancongan sendiri, sasaran utama kami adalah pelanggan. Salah satu cara untuk menarik mereka menggunakan perkhidmatan kami ialah dengan menyediakan pakej yang menguntungkan.

Pakej ini menyediakan perkhidmatan penginapan hotel, makan, minum, serta pengangkutan sepanjang percutian tersebut iaitu pakej percutian 3 hari 2 malam. Antara destinasi pelancongan yang kami tawarkan ialah ke Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Pulau Redang dan Pulau Perhentian dengan menggunakan pesawat Dornier dan Fokker. Untuk memastikan pekej ini berjaya tanpa sebarang masalah kami mengadakan kerjasama dua hala dengan agensi pelancongan yang terbaik. Bayu Air Sdn. Bhd. menyediakan pengangkutan udara manakala agensi berkenaan akan menyediakan kemudahan lain sepanjang lawatan.

Kami melihat perniagaan ini mempunyai prospek yang cerah dan berdaya maju di masa hadapan selaras dengan peningkatan teknologi dan peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia.

Biarpun perkhidmatan Bayu Air Sdn. Bhd. hanya menyediakan perkhidmatan jarak dekat dalam negeri seperti ke Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Kuala Terengganu, Melaka, dan Pulau Tioman namun kami berbangga kerana menjadi penyumbang untuk meninggiatkan rakyat tempatan menjadi pelancong dan turut membantu pelancong asing mengenali Malaysia.

Kami amat mengaharapkan agar syarikat penerbangan mini kami ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai dan dapat membantu Malaysia membangun menjadi negara maju.